

24 DEC 2001

Mahathir-Misuari

M'SIA AKAN TIMBANG UNTUK BERI KEBENARAN KELUARGA LAWAT MISUARI

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Malaysia akan memberi pertimbangan untuk membenarkan keluarga pemimpin Bangsamoro Nur Misuari untuk melawatnya di sini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita akan membuat pertimbangan," katanya semasa ditanya sama ada kerajaan Malaysia akan membenarkan keluarga Misuari berbuat demikian.

Dr Mahathir bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Galeri PNB yang dinamakan sebagai Galeri Tun Tun Ismail Mohamed Ali di sini.

Peguam Misuari Elly Pamatong semalam dipetik berkata bahawa keluarga Misuari telah melahirkan kebimbangan terhadap keselamatan beliau selepas pihak berkuasa Malaysia tidak memberi kebenaran kepada dua orang isteri dan anak-anaknya berjumpa.

Misuari, dikehendaki oleh kerajaan Filipina kerana melancarkan pemberontakan di selatan Mindanao dan dia ditahan oleh polis Malaysia pada 24 Nov lepas kerana masuk secara haram ke negara ini.

Apabila ditanya tempoh masa penghantaran pulang Misuari ke Manila, Dr Mahathir berkata ia masih dibincangkan oleh kedua-dua buah kerajaan.

"Kita berharap kerajaan Filipinan akan menerimanya secepat mungkin kerana kita tidak boleh menahan beliau selama-lamanya," katanya.

Menjawab satu lagi pertanyaan sama ada Misuari akan diberikan suaka sementara, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak boleh melayan suaka."

"Kita telah memutuskan bahawa mereka yang melakukan keganasan di negara sendiri dan menggunakan rakyat biasa sebagai tebusan tidak akan diberikan suaka," katanya.

--BERNAMA

NZ LES AFY MOZ